

PM ajak rakyat semarak semangat Malaysia Prihatin

BH - 29/7/2020 mk: 8

Usaha tamatkan COVID-19, pulih ekonomi di samping kukuh perpaduan

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Semangat Malaysia Prihatin perlu disemarakkan dalam segenap kehidupan rakyat Malaysia, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, ia bukan sahaja dalam usaha negara menamatkan terus wabak COVID-19, tetapi juga memulihkan semula ekonomi dan kehidupan rakyat ke arah yang lebih baik.

Beliau berkata, Malaysia Prihatin perlu disematkan dalam ingatan untuk rakyat negara ini mengukuhkan kembali asas perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Katanya, ia perlu dilakukan bersama-sama dan dengan keazaman serta usaha yang bersungguh-sungguh.

"Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini bertepatan 'Malaysia Prihatin'. Tema ini amat bertepatan dengan aspirasi didukung kerajaan ini, bahawa seluruh rakyat Malaysia, sama penjawat, sektor swasta, sukarelawan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mahupun orang perseorangan turut bersama-sama memerangi musuh di kala ini, iaitu wabak COVID-19.

"Prihatin menunjukkan inisia-

tif kerajaan yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan dan kelangsungan rakyat Malaysia.

"Semangat Malaysia Prihatin ini dizahirkan bukan saja oleh mereka yang bertugas di barisan hadapan, malah rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat yang juga wira tidak didendangkan," katanya ketika melancarkan Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2020 di Dataran Perdana, di sini, semalam.

Majlis pelancaran itu disertai oleh barisan Kabinet dan ketua setiausaha-kementerian serta ketua jabatan.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia tampil memberikan bantuan dan sokongan tanpa mengira kaum, agama dan fahaman politik.

Pada masa sama, Muhyiddin berkata, beliau percaya perasaan cintakan negara boleh menjadi tali pengikat utama kepada perpaduan bangsa di negara ini.

Katanya, beliau mahu melihat semangat patriotisme sentiasa mekar dalam hati rakyat dan diperkukuhkan lagi sepanjang Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang.

Justeru, Muhyidin berkata, semua kementerian dan agensi kerajaan diminta menggalakkan penyertaan secara aktif semua

lapisan masyarakat dalam aktiviti yang disediakan.

Selain itu, beliau berkata, masyarakat digalakkan mengibarkan Jalur Gemilang di rumah masing-masing, bangunan pejabat dan gedung perniagaan serta kenderaan.

"Selepas sekian lama kita menikmati kebebasan dan kemerdekaan ini, amalan mengibarkan Jalur Gemilang seharusnya sudah dibudayakan dalam kehidupan seharian kita.

"Jalur Gemilang lambang keadaulatan badan kemerdekaan negara. Ia bukan sekadar selembarkain yang mencorakkan Perlembagaan Negara.

"Kita sudah banyak kali menyaksikan Jalur Gemilang dikibar seluruh pelosok dunia apabila rakyat negara ini mencapai sesuatu kejayaan," katanya.

Pada program berkenaan, Muhyiddin turut melepaskan kembara *Info On Wheels Merdeka* (IOW Merdeka) Jabatan Penerangan.

Hadirin turut diperdengarkan buat pertama kali lagu *Malaysia Prihatin* nukilan komposer terkenal, Datuk Mokhzani Ismail, yang dinyanyikan Kumpulan Korir PENTARAMA Jabatan Penerangan.

Selain majlis pelancaran sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2020 di Dataran Perdana, acara sama juga diadakan di seluruh negara dengan kehadiran Menteri Besar atau Ketua Menteri masing-masing.